

# TAHAP PENERIMAAN PESERTA TERHADAP KURSUS PENDIDIKAN ISLAM SEPANJANG HAYAT (PISH)

*The Level of Participation Acceptance of Lifelong Islamic Education Courses*

**Mohd Rashidi Omar<sup>1</sup>, Azmil Hashim<sup>2</sup>, Muhammad Zulazizi Mohd Naw<sup>3</sup>**

Submitted: 10-Nov-2020  
Accepted: 05-Jun-2021  
Revised: 25-Jun-2021  
Published: 28-Jun-2021

<sup>1</sup>Kolej Komuniti Chenderoh,  
33000 Kuala Kangsar, Perak, Malaysia.

<sup>2</sup> Jabatan Pengajian Islam,  
Fakulti Sains Kemanusiaan,  
Universiti Pendidikan Sultan Idris,  
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

<sup>3</sup>School of Hospitality,  
Education and Business Studies (SHB),  
Management and Science University (MSU),  
15200 Kota Bharu, Kelantan, Malaysia

\*Corresponding author's email: [zulazizi0902@gmail.com](mailto:zulazizi0902@gmail.com)

## Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk meninjau tahap penerimaan peserta terhadap program latihan kursus Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) di kolej komuniti. Kajian yang melibatkan 270 orang sampel ini terdiri daripada peserta yang mempunyai latar belakang pendidikan agama, kemahiran dan teknikal serta orang awam. Data kuantitatif yang menggunakan instrumen borang kaji selidik dianalisis secara deskriptif menggunakan Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 24 bagi mendapatkan kekerapan, peratusan, min, interpretasi dan sisihan piawai manakala analisis inferensi menggunakan Ujian-T Sampel Bebas. Hasil kajian terhadap penerimaan peserta berada pada tahap tinggi iaitu ( $M=4.18$ ,  $SP.=0.48$ ). Analisis inferensi mendapati tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan berdasarkan kawasan tempat tinggal. Intihannya, pelaksanaan program bagi kursus Pendidikan Islam Sepanjang Hayat di kolej komuniti telah berjaya memberi impak yang positif dan cemerlang. Implikasi kajian ini menunjukkan bahawa, pelaksanaan kursus PISH perlu dipertingkatkan dari semasa ke semasa terutamanya aspek yang meliputi kualiti, kurikulum, pengurusan, pengendalian program, fasiliti, mobiliti pelajar dan tenaga pengajar. Dapatan kajian ini diharapkan dapat dijadikan panduan kepada penyelaras program kursus PISH agar kualiti pengajaran dan pembelajaran PISH boleh ditingkatkan lagi secara lebih berkesan.

**Kata kunci:** Tahap Penerimaan Peserta, Kursus Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH), Kolej Komuniti

## Abstract

*This study aims to examine the level of participants' acceptance of the Lifelong Islamic Education (PISH) course training program at community colleges. The study involving 270 samples consisted of participants with a background in religious education, skills, and technical as well as the general public. Quantitative data using survey form instruments were analyzed descriptively using Statistical Package for the Social Sciences (SPSS) version 24 to obtain frequencies, percentages, means, interpretations, and standard deviation while inferential analysis using Independent Sample T-Test. The results of the study on the acceptance of participants are at a high level that is ( $M=4.18$ ,  $SP.=0.48$ ). The inferential analysis found no significant differences based on the residential area. In essence, the implementation of the program for Lifelong Islamic Education courses in*

*community colleges has succeeded in giving a positive and excellent impact. The implications of this study show that the implementation of PISH courses needs to be improved from time to time, especially aspects that include quality, curriculum, management, program management, facilities, student mobility, and teaching staff. It is hoped that the findings of this study can be used as a guide to the coordinator of the PISH course program so that the quality of teaching and learning PISH can be further improved more effectively.*

**Keywords:** Participant Acceptance Level, Lifelong Islamic Education Course (PISH), Community College

## 1.0 PENGENALAN

Pendidikan Islam di Malaysia telah melalui tempoh masa yang amat panjang sejak kedatangan Islam ke Tanah Melayu hingga kini. Dari abad ke-15 hingga abad ke-17 pembelajaran pendidikan Islam dilaksanakan di masjid, surau, rumah tuan guru dan istana. Sekitar abad ke-19 pembelajaran pendidikan Islam telah berubah kepada sistem pondok dan madrasah (Mohd Nawawi *et al.*, 2021). Pada penghujung abad ke-19 sehingga kini sistem pembelajaran pendidikan Islam berkembang kepada sistem sekolah yang lebih moden. Sebagai sebuah negara yang menjunjung Islam sebagai agama rasmi, kerajaan telah menyediakan akses kepada pendidikan Islam secara meluas sama ada melalui institusi seperti tahfiz dan pondok, Universiti Awam (UA), Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS), Politeknik dan Kolej Komuniti. Selain itu masyarakat juga berpeluang mendalami ilmu agama melalui di masjid, surau dan media (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2017)

Walaupun begitu, masih terdapat kekurangan dan kelemahan yang perlu kepada penambahbaikan dan pemantapan dalam bidang pendidikan Islam agar tidak dipinggirkan dalam kepesatan arus teknologi Revolusi Industri 4.0. Pendidikan Islam berperanan penting sebagai tunjang kepada pemupukan nilai kemanusiaan yang semakin tipis dalam kehidupan seharian. Menyedari hakikat ini, pada awal tahun 2013 kerajaan telah merencanakan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) sebagai satu landasan ke arah peningkatan kerjaya, pengukuhan ilmu dan pemupukan nilai kepada umat Islam. Pada Disember 2013, PISH telah dicadangkan sebagai dasar negara oleh Menteri Pendidikan Malaysia ketika itu. Umum mengetahui bahawa, pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) adalah sebahagian daripada Pembelajaran Sepanjang Hayat yang menjadi satu daya usaha bagi memberi pendekatan latihan, kemahiran dan pengajian agama ke arah pembentukan sesebuah masyarakat yang berpengetahuan, beramal, bertakwa dan memiliki nilai insani agar menggapai kebahagiaan dalam kehidupan ukhrawi dan duniawi (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2017). Dari sudut epistemologi Islam, Pendidikan Sepanjang Hayat merupakan satu dasar untuk menyebarkan ilmu pengetahuan sama ada ilmu fardhu ain mahupun ilmu fardhu kifayah. Hakikatnya, proses penggalan ilmu pengetahuan dan kemahiran itu tiada sempadan dan batasannya kerana ilmu Allah SWT itu amatlah luas (Ilias *et al.*, 2017).

Pada realitinya memang tidak dapat dinafikan bahawa, terdapat 21 kluster kursus pendek pembelajaran sepanjang hayat yang dilaksanakan di kolej komuniti iaitu akuakultur, bahasa, bangunan, elektrik dan elektronik, grafik dan multimedia, hospitaliti dan pelancongan, jahitan dan pakaian, kecantikan dan dandanan, kenderaan dan automotif, kerohanian dan keagamaan, kesenian dan kebudayaan, komputer dan teknologi maklumat, kraftangan dan hiasan dalaman, pembangunan diri dan motivasi, perniagaan dan keusahawanan, program industri, sains dan matematik, sains kesihatan, seni kreatif, teknologi agro dan teknologi hijau (Kementerian Pendidikan Tinggi, 2017). Dalam tempoh lima tahun kebelakangan ini, enrolmen Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) telah menunjukkan peningkatan

trend. Sambutan terhadap PSH amat menggalakkan melebihi 10 peratus daripada sasaran kadar pertumbuhan tahunan. Taburan pelajar PSH pada tahun 2013 kolej komuniti merekodkan bilangan pelajar paling tinggi. Dalam tempoh 2002 hingga 2013, kolej komuniti telah merekodkan penyertaan 1.3 juta pelajar-pelajar PSH daripada 1800 orang pada 2002 kepada 277080 orang pada tahun 2013 (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2015).

Jika ditelusuri secara lebih mendalam, matlamat utama Pendidikan Islam Sepanjang Hayat ialah seperti berikut:

- a) Memberikan ilmu kemahiran dan keusahawanan kepada golongan sasaran seperti pelajar tahfiz, pelajar sekolah pondok, pelajar maahad, belia dan komuniti.
- b) Memberikan ilmu kemahiran berbentuk modular atau customized programmes mengikut permintaan dan kesesuaian.
- c) Memberikan kesinambungan Pendidikan Islam yang berterusan kepada setiap lapisan masyarakat.

Konsep PISH merangkumi pendidikan duniawi dan ukhrawi. Tiga kategori PISH yang dilaksanakan di kolej komuniti ialah:

Pendidikan ukhrawi iaitu Pendidikan Islam yang berterusan kepada setiap lapisan masyarakat.

- a) Pendidikan duniawi iaitu memberikan ilmu kemahiran dan keusahawanan kepada pelajar tahfiz, pelajar sekolah pondok, pelajar maahad dan institusi agama Islam yang lain.
- b) Kombinasi pendidikan keduniaan dan akhirat yang dilaksanakan atas permintaan institusi, agensi dan komuniti setempat. (Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, 2017)

## 2.0 PENYATAAN MASALAH

Antara masalah yang sering dihadapi di dalam program latihan ialah pelatih-pelatih yang telah mempelajari kemahiran dan pengetahuan baharu hasil daripada latihan yang diikuti tidak dapat menggunakannya apabila mereka pulang daripada menjalani latihan kursus (Abdul Rahman & Omar, 2009). Menurut Haji Don et al. (2015), faktor latihan yang diterima merupakan antara perkara penting dalam menentukan keberkesanan sesuatu pekerjaan. Latihan yang sistematik dan berterusan akan meningkatkan kecekapan, keberkesanan tugas dan peluang menambah ekonomi dalam kehidupan seharian. Beliau juga menjelaskan bahawa, peranan pelajaran dan latihan di Malaysia ialah untuk melahirkan individu berpengetahuan, terlatih dan mahir untuk memenuhi keperluan tenaga manusia dan keperluan sosial yang semakin bertambah. Selain itu, pada masa ini juga Ismail (1991) menyatakan bahawa, latihan dalam pembangunan Islam adalah bertujuan untuk membangunkan kesempurnaan pekerja Muslim ke arah mencapai *al-falah* (kejayaan). Ini membuktikan bahawa, latihan ataupun kursus yang dilaksanakan memainkan peranan penting dalam sesebuah organisasi untuk melahirkan insan yang berilmu dan berkemahiran serta berkualiti.

Sebahagian besar organisasi telah memperuntukkan modal, sumber dan masa yang banyak untuk melaksanakan sesuatu program latihan. Oleh kerana, perbelanjaan yang besar diperlukan bagi menyediakan latihan, pegawai dan organisasi yang terlibat mestilah memastikan keberkesanan program latihan yang dilaksanakan agar mampu memberi manfaat kepada pelatih dan juga organisasi (Ahmad & Zahari, 2012). Ini menunjukkan keberkesanan latihan yang diterima oleh seseorang perlu dinilai dan dikaji untuk melihat sejauh manakah kursus atau latihan yang diikuti memberikan impak kepada diri pelatih dan organisasi itu sendiri. Lanjutan

daripada itu, Abd Ghani et al. (2015) telah menjalankan kajian berkaitan pelaksanaan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), antara cabaran utama pelaksanaan PISH di USIM ialah untuk memperkenalkan pakej pembelajaran yang sesuai dengan kehendak sasaran dan dapat mengartikulasi antara *niche* USIM dalam mengintegrasikan ilmu *naqli* dan *aqli* dan tempat kerja, komuniti, status sosio ekonomi dan aspek perkembangan dan penggunaan teknologi. Bagi mempertingkatkan kualiti penyampaian dan pengajaran dan pembelajaran yang dianjurkan oleh kolej komuniti, pihak kolej perlu melihat pandangan dan persepsi peserta kursus PISH terhadap keberkesanan pelaksanaan kursus dari aspek maklumat kursus, kaedah penyampaian, kelengkapan peralatan dan faedah keseluruhan kursus (Mansor et al., 2015).

### 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

- a) Mengenalpasti tahap penerimaan peserta terhadap Kursus Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH).
- b) Mengenalpasti perbezaan tahap penerimaan peserta berdasarkan kawasan tempat tinggal.

### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

#### 4.1 Populasi, Lokasi dan Sampel Kajian

Kajian ini melibatkan 717 sampel kajian yang mengikuti Kursus Pendidikan Islam Sepanjang Hayat di tiga buah kolej komuniti di negeri Perak yang terpilih. Pemilihan sampel kajian adalah dengan menggunakan persampelan rawak mudah iaitu dengan melibatkan 270 orang sampel bagi 3 buah kolej komuniti di daerah Kuala Kangsar

Jadual 1 : Taburan responden mengikut kolej komuniti

Kolej Komuniti	Jumlah Responden
Chenderoh	229
Sungai Siput	21
Kuala Kangsar	20
Jumlah	270

Jadual di atas menunjukkan jumlah yang diambil daripada setiap kolej yang melaksanakan kursus PISH. Namun jika dilihat jumlah sampelnya tidak seimbang antara kolej komuniti. Ini adalah kerana terdapat kolej yang menumpukan kursus PISH kepada pelajar tahfiz sahaja dan melibatkan peserta yang sama bagi kursus-kursus PISH yang dianjurkan oleh kolej komuniti. Kajian ini telah dijalankan di Kolej Komuniti Negeri Perak. Pemilihan Kolej Komuniti Negeri Perak sebagai lokasi kajian adalah kerana negeri Perak mencatatkan bilangan kolej komuniti yang paling banyak di Malaysia berbanding dengan negeri-negeri yang lain iaitu terdapat 13 buah kolej komuniti di seluruh negeri Perak. Walau bagaimanapun, pengkaji memilih kolej komuniti yang terdapat di daerah Kuala Kangsar iaitu Kolej Komuniti Chenderoh, Kolej Komuniti Sungai Siput dan Kolej Komuniti Kuala Kangsar kerana daerah yang mempunyai kolej komuniti terbanyak di negeri Perak. Maka, sepanjang kajian ini dijalankan hanya tiga buah kolej komuniti sahaja yang terlibat bagi menilai keberkesanan kursus Pendidikan Islam di kolej komuniti

## 4.2 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik sebagai instrumen. Ia dibentuk berpandukan adaptasi daripada kajian-kajian lepas. Soalan-soalan dibentuk dan diubahsuai berpandukan kajian oleh Romli et. al. (2015), Md Ali et al. (2009) dan Abdul Kadir & Ismail (1997). Item-item tersebut menggunakan skala likert 5 mata iaitu 1 = sangat tidak setuju, 2 = tidak setuju, 3 = kurang pasti 4 = setuju dan 5 = sangat setuju kerana menurut McMillan & Schumacher (2006), pentaksiran, persepsi dan kepercayaan adalah agak tepat dengan menggunakan skala Likert 5 mata dalam soal selidik.

Jadual 2: Bahagian dalam soal selidik

Bahagian	Aspek yang diukur / Pembolehubah	Sumber
A	Demografi	Diubahsuai mengikut keperluan kajian
B	Tahap penerimaan peserta	Diambil dan diubahsuai daripada kajian Romli et. al (2015), Md Ali et. al (2009) dan Abdul Kadir & Ismail (1997).

## 4.3 Prosedur Pengumpulan Data Kajian

Penyelidik menyediakan soalan soal selidik yang diadaptasi dan diubahsuai dari beberapa kajian lampau yang disesuaikan dengan teori dan objektif kajian ini. Sebelum itu, item-item soalan ini telah ditunjukkan kepada penyelia dan selepas itu disemak dan disahkan oleh penyelia dan pakar. Selepas itu, pengkaji memohon surat kebenaran bertulis melalui bahagian Institut Pengajian Siswazah (IPS) di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) melalui portal <https://portal3.upsi.edu.my/> untuk menjalankan penyelidikan di luar. Setelah mendapat kebenaran dari pengarah dan penyelaras setiap kolej komuniti dan institusi yang terlibat dengan kajian, pengkaji berjumpa penyelaras kursus yang terlibat untuk menetapkan tarikh untuk mengedarkan soal selidik kepada peserta kursus. Penyelidik akan tunggu di tempat kajian selama 20 minit hingga 30 minit untuk mendapatkan kembali soal selidik berkenaan. Semua data yang dikutip oleh pengkaji akan dikumpulkan dan dimasukkan ke dalam perisian SPSS Version 24 untuk dianalisis bersesuaian dengan kerangka teori kajian dan kerangka konseptual kajian serta objektif kajian yang telah ditetapkan dalam kajian ini.

## 4.4 Kajian Rintis, Kesahan dan Kebolehpercayaan

Kajian rintis perlu dilakukan untuk mengetahui kebolehpercayaan dan kesahan item-item dari aspek kesahan, kesesuaian makna istilah dan pola ayat yang digunakan dalam soal selidik. Kajian rintis juga dilakukan bagi meninjau atau mencari kekuatan dan kelemahan soal selidik yang digunakan dalam kajian ini bagi menentukan kebolehpercayaan dan kesahan instrumen kajian. Kajian rintis ini melibatkan 30 peserta Kursus Pendidikan Islam Sepanjang Hayat yang telah menyertai kursus yang dianjurkan di kolej komuniti. Seterusnya kesemua soal selidik yang dikutip telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Pakej Statistik untuk Sains Sosial (SPSS) versi 24*. Skor pekali *Cronbach Alpha* yang hampir dengan satu adalah merujuk kepada item-item dalam skala itu mengukur sesuatu perkara yang sama dan nilai ini menunjukkan item-item tersebut mempunyai skor kebolehpercayaan yang tinggi. Pada amalan kebanyakan pengkaji mencadangkan skor alfa yang melebihi 0.60 bagi menunjukkan aras minimum kebolehpercayaan (Konting, 2005). Walau bagaimanapun, dengan menggugurkan aspek-aspek yang merendahkan pekali dalam konstruk dan item, pengkaji boleh meningkatkan skor kebolehpercayaan terhadap instrumen tersebut. Perkara ini juga disokong oleh Sekaran, U. (1992) yang menyatakan bahawa, skor alfa antara 0.60 hingga 0.80 adalah diterima manakala nilai alfa yang melebihi 0.80 adalah dianggap baik. Oleh itu, hasil daripada

kebolehpercayaan instrumen soal selidik dalam kajian ini ialah 0.912 berada pada aras yang sangat tinggi.

Jadual 3 : Klasifikasi Indeks Kebolehpercayaan

Indikator	Nilai Alfa Cronbach
Sangat Tinggi	0.90-1.00
Tinggi	0.70-0.89
Sederhana	0.30-0.69
Rendah	0.00-0.29

Sumber: Bryman & Cramer (1999)

## 5.0 DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

### 5.1 Tahap Penerimaan Peserta

Bahagian ini akan menjelaskan dapatan kajian yang dianalisis secara deskriptif terhadap item-item dalam konstruk tahap penerimaan peserta terhadap kursus Pendidikan Islam Sepanjang Hayat yang merangkumi 10 item.

Dapatan kajian ini dianalisis berdasarkan jadual 5, jadual interpretasi data (jadual 4) seperti berikut:

Jadual 4 : Jadual Interpretasi Data : Min Skala Likert Mengikut Empat Tahap

Nilai Min	Interpretasi
1.01 – 2.00	Rendah
2.01 – 3.00	Sederhana Rendah
3.01 – 4.00	Sederhana Tinggi
4.00 – 5.00	Tinggi

Sumber: Nunally, J.C (1978) dalam Darusalam & Hussin (2018)

Taburan analisis deskriptif bagi tahap penerimaan peserta PISH dalam kalangan responden ditunjukkan dalam jadual 5 di bawah. Sebanyak 10 item telah dianalisis bagi memberikan gambaran tentang tahap skor min terhadap penerimaan peserta kursus PISH. Secara keseluruhannya, tahap penerimaan peserta kursus berada pada tahap tinggi ( $M=4.18$ ,  $SP.=0.47$ ). Analisis skor min secara terperinci bagi 10 item ini menunjukkan kesemua item berada di tahap tinggi. Sepuluh item yang menunjukkan tahap penerimaan peserta kursus mencapai pada tahap yang tinggi ialah saya sangat berpuashati dengan hasil pembelajaran ( $M=4.16$ ,  $SP.=0.77$ ), saya berpendapat kursus PISH memberikan impak yang positif terhadap kehidupan saya ( $M=4.09$ ,  $SP.=0.74$ ), saya akan mempraktikkan ilmu yang diperolehi daripada kursus ini ( $M=4.14$ ,  $SP.=0.68$ ), saya akan berkongsi ilmu yang diperolehi untuk dimanfaatkan kepada orang ramai. ( $M=4.21$ ,  $SP.=0.68$ ), saya akan menyertai lagi kursus-kursus ( $M=4.07$ ,  $SP.=0.81$ ), kursus ini dapat memenuhi tuntutan fardhu ain bagi setiap individu muslim. ( $M=4.20$ ,  $SP.=0.71$ ), kursus ini dapat memenuhi tuntutan fardhu kifayah bagi setiap individu muslim. ( $M=4.22$ ,  $SP.=0.69$ ), kursus ini dapat meningkatkan motivasi untuk berjaya dalam kehidupan di dunia dan akhirat. ( $M=4.23$ ,  $SP.=0.69$ ), kursus ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran saya ( $M=4.24$ ,  $SP.=0.71$ ), dan kursus ini amat sesuai untuk pelbagai lapisan masyarakat ( $M=4.27$ ,  $SP.=0.72$ )

Jadual 5: Tahap Penerimaan Peserta Terhadap Kursus PISH

Kod Item	Item	Kekerapan & Peratus (N=270)					Min	SP	Interpretasi
		STS	TS	KP	S	SS			
D1	Saya sangat berpuashati dengan hasil embelajaran.	3 (1.1)	4 (1.5)	32 (11.9)	138 (51.1)	93 (34.4)	4.16	0.77	Tinggi
D2	Saya berpendapat kursus PISH memberikan impak yang positif terhadap kehidupan saya.	1 (2.9)	5 (10.7)	41 (42.7)	145 (53.7)	78 (28.9)	4.09	0.74	Tinggi
D3	Saya akan mempraktikkan ilmu yang diperolehi daripada kursus ini.	0 (0.0)	4 (1.5)	35 (7.1)	149 (55.2)	82 (30.4)	4.14	0.68	Tinggi
D4	Saya akan berkongsi ilmu yang diperolehi untuk dimanfaatkan kepada orang ramai.	0 (0.0)	1 (0.4)	36 (13.3)	137 (50.7)	96 (35.6)	4.21	0.68	Tinggi
D5	Saya akan menyertai lagi kursus-kursus PISH pada masa akan datang.	2 (0.7)	3 (1.1)	59 (21.9)	117 (43.3)	89 (33.0)	4.07	0.81	Tinggi
D6	Kursus ini dapat memenuhi tuntutan fardhu ain bagi setiap individu muslim.	1 (0.4)	3 (1.1)	31 (11.5)	141 (52.2)	94 (34.8)	4.20	0.71	Tinggi
D7	Kursus ini dapat memenuhi tuntutan fardhu kifayah bagi setiap individu muslim.	1 (0.4)	0 (0.0)	35 (13.0)	136 (50.4)	98 (36.3)	4.22	0.69	Tinggi
D8	Kursus ini dapat meningkatkan motivasi untuk berjaya dalam kehidupan di dunia dan akhirat.	0 (0.0)	3 (1.1)	32 (11.9)	134 (49.6)	101 (37.4)	4.23	0.69	Tinggi
D9	Kursus ini dapat meningkatkan pengetahuan dan kemahiran saya.	1 (0.4)	3 (1.1)	28 (10.4)	136 (50.4)	102 (37.8)	4.24	0.71	Tinggi
D10	Kursus ini amat sesuai untuk pelbagai lapisan masyarakat.	0 (0.0)	5 (1.9)	28 (10.4)	125 (46.3)	112 (41.5)	4.27	0.72	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>							<b>4.18</b>	<b>0.48</b>	<b>Tinggi</b>

Jadual 5 di atas menunjukkan dapatan bagi tahap penerimaan peserta kursus PISH. Nilai min keseluruhan berada pada tahap yang tinggi iaitu ( $M=4.18$ ,  $SP.=0.48$ ). Secara keseluruhannya, semua item berada pada tahap yang tinggi terutamanya item D10 "Kursus ini amat sesuai untuk pelbagai lapisan masyarakat" ( $M=4.27$ ,  $SP.=0.72$ ).

## 5.2 Analisis Perbezaan

$H_0$  : Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tahap penerimaan peserta berdasarkan kawasan tempat tinggal.

Jadual 6 : Analisis Perbezaan Penerimaan Peserta Berdasarkan Tempat Tinggal

	Tempat Tinggal	Min	Sisihan Piawai
Penerimaan Peserta	Bandar (159 orang)	4.14	0.46
	Luar Bandar (111 org)	4.24	0.49

Seterusnya, analisis Ujian-T Sampel Bebas telah digunakan bagi mengenal pasti perbezaan tahap penerimaan peserta berdasarkan kawasan tempat tinggal dalam mengikuti program latihan kursus PISH. Dapatan kajian dalam Jadual 6 di atas

menunjukkan min penerimaan peserta bagi luar bandar ( $M=4.24$ ,  $SP.=0.49$ ) adalah lebih tinggi berbanding min penerimaan peserta bagi bandar ( $M=4.14$ ,  $SP.=0.46$ ).

Jadual 7 : Analisis Perbezaan Penerimaan Peserta Berdasarkan Tempat Tinggal

Penerimaan Peserta	Levene's Test for Equality of Variances	T-Test for Equality of Means			
		Sig.	T	df	Sig. (2-tailed)
	Equal variances assumed	0.30	- 1.82	268	0.072
	Equal variances not assumed		- 1.799	22	0.072

Berdasarkan *Levene's Test for Equality of Variances* dalam Jadual 7 di atas, nilai  $p>0.05$  maka varians bagi kedua-dua tempat tinggal adalah sama bagi penerimaan peserta. Justeru itu, nilai  $p$  bagi ujian ini adalah lebih besar daripada 0.05 maka  $H_0$  gagal ditolak. Oleh hal yang demikian, dapat dibuat kesimpulan bahawa, tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap tahap penerimaan peserta berdasarkan kawasan tempat tinggal dalam mengikuti program latihan kursus PISH  $t(268)=-1.82$ ,  $p>0.05$ ,  $r^2=0.01$ . Selain itu, sebanyak 1.22% daripada varians dalam penerimaan peserta dapat dijelaskan oleh kategori tempat tinggal yang telah digunakan

### 5.3 Perbincangan Dapatan Kajian Bagi Tahap Penerimaan Peserta

Dapatan kajian terhadap penerimaan peserta terhadap kursus Pendidikan Islam Sepanjang Hayat menunjukkan bahawa peserta berpuas hati dengan hasil pembelajaran yang diperolehi disamping kursus ini dapat memberikan impak yang positif, dan mereka mampu mempraktikkan ilmu yang diperolehi dan akan berkongsi ilmu tersebut kepada orang lain. Di samping itu kursus PISH dapat memenuhi tuntutan fardhu ain dan kifayah serta meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan motivasi kepada peserta. Hal ini dibuktikan melalui dapatan kajian bagi setiap konstruk memperoleh skor min yang tinggi bagi setiap item dalam konstruk tahap penerimaan peserta. Dapatan ini bertepatan dengan kajian yang dijalankan oleh Romli et al. (2015) mengenai penerimaan peserta tahfiz terhadap kursus PISH juga menunjukkan skor min yang tinggi dalam kajian tersebut. Ini bermakna kursus PISH yang dijalankan di kolej komuniti memberikan impak yang positif kepada peserta yang menyertai kursus tersebut. Begitu juga kajian oleh Malayandy & Damanhuri (2015) dan Md Ali et al. (2009) menunjukkan bahawa, kesemua peserta bersetuju bahawa latihan yang diikuti dapat meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan motivasi serta memberikan impak yang positif kepada diri peserta. Namun terdapat responden yang menyatakan pandangan tidak bersetuju untuk menghadiri kursus PISH pada masa akan datang dan tidak berpuashati dengan hasil pembelajaran dan impak yang diperolehi daripada kursus ini. Walaupun jumlahnya sekitar satu hingga lima orang responden, ianya perlu diberikan perhatian agar kesemua peserta memperoleh manfaat dan berminat untuk menyertai kursus pada masa akan datang. Dapatan ini juga bertepatan dengan kajian oleh Ismail et al. (2018) yang menunjukkan tahap keberkesanan dari sudut penerimaan peserta terhadap pembelajaran dan kefahaman adalah pada tahap yang sederhana. Oleh hal yang demikian, beberapa cadangan penambahbaikan perlu dikemukakan kepada penyedia kursus PISH di kolej komuniti

### 5.4 Perbezaan Tahap Penerimaan Peserta

Dapatan kajian juga menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan penerimaan peserta berdasarkan tempat tinggal sama ada tinggal di bandar atau luar bandar. Penerimaan peserta daripada bandar dan luar bandar adalah sama walaupun suasana kehidupan berbeza. Dapatan ini disokong



berdasarkan kajian oleh Romli et al. (2015) juga mendapati tidak terdapat perbezaan antara minat pelajar tahfiz berdasarkan tempat tinggal.

## 6.0 IMPLIKASI DAN KESIMPULAN

Implikasi terhadap penerimaan peserta terhadap kursus PISH menunjukkan pelaksanaan kursus PISH perlu kepada beberapa penambahbaikan dan perubahan perlu dilaksanakan agar peserta memperoleh impak yang maksima dan mampu menggunakan ilmu yang diperolehi dan dapat dimanfaatkan kepada orang ramai. Selain itu, bahagian penerimaan ini juga memberikan implikasi kepada peningkatan ilmu, kemahiran, motivasi dan memenuhi tuntutan fardhu ain dan fardhu kifayah dan ianya sesuai kepada semua lapisan masyarakat. Kajian ini secara umumnya dapat berperanan memberikan sumbangan kepada pihak yang terlibat dalam pelaksanaan kursus Pendidikan Islam Sepanjang Hayat dengan menekankan aspek amalan pengajaran pensyarah. Berdasarkan maklumat dan data yang lengkap pihak yang terlibat dengan kursus PISH ini dapat mengatur langkah dan strategi dalam mempertingkatkan mutu dan kualiti kursus PISH. Kekurangan dan kelemahan yang telah dikenalpasti perlu diatasi dan ditambahbaik dengan kadar yang segera dan kebaikan yang ada dalam pelaksanaan ini perlu dikekalkan dan dimurnikan

Berdasarkan dapatan kajian juga menunjukkan tahap penerimaan peserta pada tahap yang amat baik. Mereka berpuas hati daripada hasil pembelajaran daripada kursus ini dan ianya amat sesuai untuk semua lapisan masyarakat. Selain itu mereka juga bersetuju kursus PISH memberikan impak yang positif, memenuhi tuntutan fardhu ain, fardhu kifayah serta mampu meningkatkan ilmu pengetahuan, kemahiran dan motivasi kepada peserta. Selain itu, mereka juga menyatakan hasrat untuk menyertai lagi kursus-kursus pada masa akan datang. Namun terdapat sebahagian kecil peserta yang memberikan respons tidak pasti dan tidak akan hadir pada kursus yang akan datang. Hal ini perlu diambil serius oleh penganjur untuk memperbaiki kelemahan yang terdapat dalam penganjuran kursus-kursus PISH. Bagi dapatan kajian terhadap perbezaan menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan penerimaan peserta berdasarkan tempat tinggal sama ada tinggal di bandar atau luar bandar. Penerimaan peserta daripada bandar dan luar bandar adalah sama walaupun suasana kehidupan mereka berbeza. Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa perbezaan tempat tinggal bukanlah kayu pengukur untuk menentukan keberkesanan kursus PISH dari sudut penerimaan peserta.

## 7.0 RUJUKAN

- Abd Ghani, Z., Noor Azizi Ismail N. A., & Mohd Yusoff, A. (2015, September 14). Pendidikan Islam Sepanjang Hayat di Universiti Sains Islam Malaysia: Cabaran Dan Hala Tuju [Kertas Pembentangan]. Dalam Mohamad, I., Mohd. Esin, M. Z., Md. Ramli M. H., Roslan E., Mohd. Nawawi, S. A., Mohammad, M. T., Abu Bakar, F. N., Samsudin, I. S., & Zahare N. I (Editor). PISH 2015: Prosiding Seminar Pendidikan Islam Sepanjang Hayat Peringkat Nasional, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai. Anjuran Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti 2015 Kementerian Pendidikan Tinggi. ISBN 9789670763057
- Abdul Kadir, A. L., & Ismail, M. (1997). Hubungan Keberkesanan Latihan Dengan Prestasi Kerja. *Pertanika J. Soc Sci & Hmn.* Vol 5 No 2 1997 p 74 - 82
- Abd Rahman, H., & Omar, R. (2009). Persepsi Staf Sokongan Pentadbiran dan Teknikal Terhadap Program Latihan di UTM. Universiti Teknologi Malaysia.

- Ahmad, A., & Zahari, N. (2012). Kajian Keberkesanan Program Pembangunan dan Penilaian bagi Pegawai Perkhidmatan Tadbiran dan Diplomatik Gred M41. *Jurnal Pengurusan Awam* 2012
- Bryman, A. & Cramer, D. (1999). *Quantitative data analysis with SPSS release 8 for Windows: A guide for social*. London: Routledge.
- Darusalam, G., & Hussin, S. (2018). *Metodologi Penyelidikan dalam Pendidikan*. Penerbit Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Haji Don, A. G., Tamuri, A. H., Hussin, S., & Che Noh, M. A. (2015). Penilaian Keberkesanan Kursus Pusat Latihan Pengurusan Pendidikan Islam Institut Latihan Dan Dakwah Selangor (ILDAS). *Jurnal Kepimpinan Pendidikan* 2015. Universiti Malaya.
- Ilias, M. F., Rashed, Z. N., Mat Razali, A. S., & Muhammad Syakir Sulaiman, M. S. (2017, Februari 2). *Pemeriksaan Latihan Keguruan Ke Arah Pembudayaan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam Sepanjang Hayat [Kertas Pembentangan]*. Dalam PISH 2017: Prosiding Seminar Pendidikan Islam Sepanjang Hayat 2017, Hotel Bangi-Putrajaya (ms 38-44). Anjuran Kumpulan Penyelidik Pelan Induk Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (2017-2025) USIM. ISBN: 978-967-5852-37-4.
- Ismail, F., Izzaty, F., Kadir, A. A., Jaes, L., & Ani, F. (2018). Keberkesanan Seminar Pengukuhan Integriti. *Human Sustainability Procedia*. Diambil daripada <https://publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp/article/view/1189>
- Ismail, Y. (1991). *Mengurus Secara Islam*. Kuala Lumpur: A.S. Noordeen.
- Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti. (2017). *Maklumat Kursus dan Pengajian*. Retrieved March 8, 2017, from [http://www.jpkk.edu.my/v2/index.php?option=com\\_content&view=article&id=183](http://www.jpkk.edu.my/v2/index.php?option=com_content&view=article&id=183)
- Kementerian Pendidikan Malaysia (2015). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pendidikan Tinggi)*.
- Kementerian Pendidikan Tinggi. (2017). *Pelan Induk Pendidikan Islam Sepanjang Hayat 2017-2025*. Edisi 2017.
- Konting, M. M. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Malayandy, T., & Damanhuri, S. N. H. (2015). Kajian Terhadap Kepuasan Peserta Kursus Pendek Kluster Katering dan Sajian di Kolej Komuniti Lahad Datu. *Jurnal Pembelajaran Sepanjang Hayat* 2015. Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti
- Md Ali, A., Omar, R., Mohamad Zip, N. E., Ismail, N. S., & Zulkifli, T. (2009). Keberkesanan Latihan Kakitangan Kumpulan Sokongan Di Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah Darul Aman. In: *Amalan Latihan dan Pembangunan Manusia di Malaysia*. Penerbit UTM Press, Skudai Johor, pp. 57-82.
- Mansor, N. A., Mohd Najib, N. I. S., & Jumaat Z. (2015). Keberkesanan Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) di Kolej Komuniti Ledang. *Jurnal Pendidikan Sepanjang Hayat*. Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti 2015.
- Mohd Nawis, M. Z., Omar, M. R., & Mohd Nor, M. A. (2021). Sistem Pendidikan Tahfiz Di Malaysia, Pilihan Ibu Bapa Dan Warisan Pendidikan Islam Andalus: Satu Sorotan. *Asian People Journal (APJ)*, 4(1), 132-147. DOI: <https://doi.org/10.37231/apj.2021.4.1.241>
- McMillan JH., & Schumacher S. (2006). *Research in Education*. Pearson Education, Boston.
- Nunnally, J. C. (1978). *Psychometric theory*. New York: McGraw Hill Company
- Romli, S., Shaarani, Z. A., Othman, A., Othman, M. K. (2015). Hubungan Pengajaran Pensyarah dan Minat Pelajar Tahfiz dengan Program Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) di Kolej Komuniti. *Jurnal Pendidikan Sepanjang Hayat*. Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti 2015.